



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA**

**SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 2 TAHUN 1987**

PENGIKTIRAFAN KELAYAKAN IJAZAH SARJANA  
DAN DOKTOR FALSAFAH (Ph.D) UNTUK  
MAKSUD LANTIKAN KE JAWATAN-JAWATAN  
YANG BERSESUAIAN DALAM  
PERKHIDMATAN SEKTOR  
AWAM

**1. TUJUAN**

1.1 Surat Pekeliling Perkhidmatan ini adalah meminta supaya diambil ingatan tentang satu prinsip pengiktirafan Kerajaan ke atas kelayakan-kelayakan Ijazah di peringkat Sarjana dan Ph.D bagi memastikan perlantikan pemegang-pemegang kelayakan tersebut ke dalam Perkhidmatan Sektor Awam dibuat selaras dengan prinsip tersebut.

**2. PENGIKTIRAFAN KELAYAKAN**

2.1 Di samping mengiktiraf kelayakan-kelayakan ijazah pertama/Ijazah Sarjana Muda, Kerajaan juga mengiktiraf ijazah-ijazah di peringkat Sarjana dan Doktor Falsafah dalam pelbagai bidang dari universiti-universiti tempatan dan universiti-universiti tertentu luar negeri. Pengiktirafan kelayakan-kelayakan sedemikian dibuat memandangkan adanya keperluan dalam Perkhidmatan Sektor Awam.

2.2 Dengan ini, dimaklumkan iaitu prinsip yang dipakai oleh kerajaan dalam mengiktiraf sesuatu kelayakan yang lebih tinggi seperti di peringkat Ijazah Sarjana atau Ph.D ialah dengan mengenakan syarat ke atasnya, iaitu, pemegang-pemegang Ijazah Sarjana atau Ph.D berkenaan hendaklah juga memiliki Ijazah Sarjana Muda atau ijazah pertama yang diiktiraf oleh Kerajaan.

2.3 Ini bermakna, iaitu jika seseorang memiliki Ijazah Sarjana Muda (atau kelayakan yang setaraf dengannya) yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan, maka kelayakan beliau yang lebih tinggi juga seperti Sarjana atau Ph.D turut tidak dapat diiktiraf oleh Kerajaan.

2.4 Prinsip pengiktirafan Kerajaan ke atas kelayakan-kelayakan Sarjana/Ph.D ini hendaklah dipatuhi oleh semua agensi Kerajaan dalam membuat sebarang perlantikan.

### **3. PERLANTIKAN**

3.1 Pada masa ini terdapat (2) skim perkhidmatan yang ada membekalkan syarat lantikan pada peringkat Ijazah Sarjana dan Ph.D iaitu Skim Perkhidmatan Pensyarah di universiti-universiti dan Skim Perkhidmatan Pegawai Penyelidik. Oleh itu, bagi perlantikan baru (yakni selepas tarikh Surat Pekeliling ini) ke jawatan-jawatan berkenaan, tindakan-tindakan berikut perlulah diambil, iaitu:

(i) menentukan bahawa kelayakan Ijazah Sarjana atau Ph.D calon sudah diiktiraf oleh Kerajaan; dan

(ii) menentukan bahawa pemegang-pemegang kelayakan tersebut juga memiliki ijazah pertama/Ijazah Sarjana Muda (atau kelayakan yang setaraf dengannya) yang sudah diiktiraf oleh Kerajaan.

3.2 Selaras dengan prinsip di atas, calon yang mempunyai ijazah pertama/Sarjana Muda yang tidak diiktiraf oleh Kerajaan, tidak boleh dilantik ke perkhidmatan yang mensyaratkan Ijazah Sarjana Muda, walaupun beliau memiliki Sarjana/Ph.D, kecuali kelulusan khas Jawatankuasa Tetap Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan sudah diperolehi.

### **4. AM**

4.1 Segala pertanyaan berhubung dengan pengiktirafan kelayakan-kelayakan ijazah dan yang berkaitan bolehlah dikemukakan terus kepada Urusetia Penilaian dan Pengiktirafan Kelayakan, Bahagian Perjawatan, Jabatan Perkhidmatan Awam.

Saya yang menurut perintah,

(DATUK ZAHARI BIN ABD. RASHID),  
*Pengarah,*  
*Bahagian Perjawatan,*  
*b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,*  
*Malaysia*

*Tarikh: 7 Julai 1987*

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan Persekutuan.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Semenanjung, Sabah dan Sarawak.

Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Malaysia.

Urusetia, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Persekutuan, Sarawak dan Sabah.